

02 JUN 1998  
Negara-Anwar  
KOD AMALAN UNTUK KORPORAT

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata kerajaan sedang mempersiapkan beberapa tatacara untuk memperkenalkan satu prosedur dan tatalaku pengurusan yang baik, telus dan lebih teratur dalam sektor korporat di negara ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kemelut ekonomi yang melanda negara sekarang menuntut keperluan untuk mengenakan tatalaku yang lebih teratur berhubung kod amalan terbaik pengurusan korporat.

"Sementara pengurusan kerajaan ditingkatkan, pengurusan pihak swasta juga perlu diberi penekanan supaya tidak ada kecuaian dalam pengurusan sektor swasta," katanya ketika menjawab soalan Senator Tan Swee Hueng di Dewan Negara di sini hari ini.

Anwar berkata, kod amalan perlu diberi perhatian berat kerana ia melibatkan syarikat dan korporat besar yang kadang-kadang membuat pengumuman dan keputusan tanpa memikirkan prinsip pertanggungjawaban dan ketelusan, yang telah menyebabkan keyakinan terhadap sistem ekonomi negara terhakis.

"Pengalaman ini mengajar kita untuk lebih bersedia menghadapi kemungkinan dengan menentukan bahawa ada tatalaku pengurusan yang baik yang mesti dipatuhi oleh semua," katanya.

"Sebab itu sebelum terlewat dan keyakinan (pelabur) itu terus terhakis, kita perlu mengambil tindakan tegas dan memastikan bahawa warga korporat yang besar sekalipun tidak terlepas daripada prinsip pertanggungjawaban," kata Anwar.

Anwar juga menjelaskan bahawa soal pembelian saham adalah terbuka dan bebas untuk siapa sahaja yang mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

"Kita turut akui teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak menjadikan pasaran dan bursa saham sebagai kasino atau tempat perjudian, iaitu membeli dan menjual saham dengan menggunakan unsur spekulasi yang cukup kuat," kata beliau ketika menjawab soalan Senator Mastika Junaidah Husin.

Mastika meminta penjelasan mengenai usaha kerajaan dalam mewujudkan peluang kepada rakyat untuk turut melibatkan diri dalam urusan jual beli saham dalam syarikat-syarikat korporat dan memastikan tidak wujud unsur perjudian dalam pasaran dan bursa saham.

Anwar berkata, kerajaan telah membuat beberapa penyusunan dan langkah bagi memperbaiki peraturan dan mengambil tindakan terhadap syarikat atau broker saham yang terlibat dan bersubahat dalam perilaku yang bertentangan terutama dalam menjadikan bursa saham sebagai tempat perjudian sehingga boleh menghakis keyakinan pelabur.

"Saya jangka pihak Suruhanjaya Sekuriti akan terus menjalankan tindakan dan meneruskan siasatan (terhadap syarikat-syarikat yang didapati terlibat dalam unsur perjudian), dan saya percaya tindakan akan diambil ke atas syarikat yang terlibat.

"Saya yakin kalau kita dapat terus bertegas memperkenalkan peraturan tambahan sekiranya perlu, dan mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang cuai dan menyeleweng, ia akan dapat menyelamatkan pelanggan dan pembeli saham tempatan dan dari luar negara," katanya.

Bagaimanapun, menurut Anwar, semua perubahan itu mempunyai batasan kerana negara ingin mendukung satu sistem kewangan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

"Perubahan yang dibuat tidak boleh mengetepikan peraturan antarabangsa

kerana BSKL terikat dengan sistem kewangan dan pasaran antarabangsa. Jadi kita boleh buat beberapa perubahan dan penyesuaian asalkan tidak nampak terlalu lari dan bertentangan dengan sistem pasaran bebas yang kita gunakan sekarang," katanya.

-- BERNAMA

WNZ MAI